






## SIARAN AKHBAR

### **INDEX HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KEDUA 2018 (Q2 2018)**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku kedua 2018. Indeks ini dihasilkan dengan data-data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI).
2. Pada suku kedua tahun 2018, RPPI adalah 90.7 yang menunjukkan penurunan sebanyak 9.3% tahun-ke-tahun berbanding dengan suku kedua tahun 2017, dan peningkatan sebanyak 3.9% berbanding dengan suku pertama tahun 2018.

| Tempoh  | Indeks<br>(Q1 2015 = 100) | Perubahan (%) |              |
|---------|---------------------------|---------------|--------------|
|         |                           | Dari Q2 2017  | Dari Q1 2018 |
| Q2 2018 | 90.7                      | -9.3          | 3.9          |





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 84 transaksi pembelian hartanah kediaman telah dicatatkan pada suku kedua tahun 2018. Kebanyakan daripada transaksi tersebut ialah bagi pembelian rumah *detached* (51.2%), diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* (21.4%), rumah teres (21.4%), pangsapuri (4.8%), dan tanah (1.2%).
4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman pada tempoh suku kedua tahun 2018 adalah BND260,000. Harga median bagi pembelian rumah *detached* adalah BND280,000, bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND257,500, bagi rumah teres adalah BND210,000, bagi pangsapuri adalah BND283,000 dan bagi tanah adalah BND300,000. Harga

median secara keseluruhan bagi pembelian hartanah kediaman pada tempoh suku kedua tahun 2018 telah menurun sebanyak 8.8% tahun-ke-tahun berbanding dengan suku kedua tahun 2017. Jika dibandingkan dengan suku pertama tahun 2018, harga median bagi pembelian hartanah kediaman telah meningkat sebanyak 4% suku tahun ke suku tahun.

5. AMBD ingin memaklumkan bahawa indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini dalam menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman adalah berbeza tertakluk kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web AMBD ([www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn)). Maklumat terkini mengenai RPPi juga akan dikeluarkan dari masa ke semasa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti\_monetari.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Rujukan: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 18 Muharram 1440H/ 28 September 2018M